

Headline	<b>Penyelidikan kanser perlu persatuan</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>18. Jan 2008</b>	Page No	<b>23</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>307 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Pendidikan</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217991</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>762968</b>		



# Penyelidikan kanser perlu persatuan

**P**ERSATUAN Penyelidikan Kanser Malaysia perlu ditubuhkan bagi merintis kerjasama di antara penyelidik institusi pengajian tinggi (IPT) dengan penyelidik sektor lain dalam usaha meningkatkan kualiti rawatan dan pengurusan penyakit kanser di negara ini.

Prof Bersekutu Jabatan Sains Perubatan Fakulti Sains Perubatan dan Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Johnson Stanslas, berkata menerusi persatuan itu, hasil penyelidikan ahli akademik dan penyelidik sektor perubatan dapat digabungkan bagi menghasilkan kedadah terbaik rawatan kanser untuk dimanfaatkan institusi perubatan termasuk hospital dan klinik.

Beliau yang juga ahli Persatuan Penyelidikan Kanser United Kingdom dan Eropah, berkata penubuhan persatuan itu juga dapat menggalakkan penghasilan penyelidikan yang boleh digunakan institusi perubatan berbanding kecenderungan kebanyakan ahli akademik kini membuat penyelidikan sekadar untuk diterbitkan dalam jurnal perubatan.

"Melakukan penyelidikan dan merahsiakan hasilnya adalah satu kerugian. Sikap mementingkan diri dan persaingan tidak sihat di kalangan penyelidik seumpama ini perlu dimansuhkan kerana seharusnya



**AMBIL BAHAGIAN:** Sebahagian peserta tekun mengikuti perbincangan di seminar *Translational Research In Oncology (TRiO)*, di Serdang, semalam.

hasil penyelidikan dikongsi bersama untuk kepentingan umum.

"Penubuhan persatuan penyelidikan kanser peringkat nasional sudah dilaksanakan di Amerika dan Eropah dan terbukti berjaya menawarkan rawatan lebih baik kepada pesakit kanser; justeru, kita boleh men-

contohi mereka dengan menerajui usaha yang sama di kalangan negara Asia," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian seminar *Translational Research In Oncology (TRiO)*, di Serdang, semalam.

Hadir sama, Timbalan Dekan Fakulti Sains Perubatan dan Kesih-

tan, Prof Bersekutu Dr Zamperi Sekawi.

Seminar TRiO itu julung kali diadakan bagi membolehkan pengamal perubatan bidang onkologi (kanser) termasuk dari Singapura dan Australia, berkongsi amalan terkini dalam rawatan penyakit kanser.